

## **BAB 2 : HUBUNGAN KONGSI GELAP DENGAN POLITIK**

### **SUNGAI UJONG**

Kehadiran orang Cina mempunyai kesan ke atas perkembangan sistem politik Negeri Sembilan, khususnya di Sungai Ujong.<sup>1</sup> Malahan J.M.Gullick telah memberi pendapat tentang keunikan situasi politik di Negeri Sembilan. Menurut beliau,

*The royal lineage was weaker than in the other states and it was in sharper opposition to the non-royal ruling. In Negeri Sembilan the centrifugal forces were stronger. Each district was a separate political unit in which hostility to neighbouring districts was the normal state of Yam Tuan affairs.<sup>2</sup>*

Sungai Ujong menyaksikan konflik antara pembesar-pembesar Melayu kerana berlakunya perebutan kuasa politik dan kepentingan ekonomi. Menurut Sherifah Khan, konflik yang berlaku di Sungai Ujong disebabkan oleh dua faktor. Pertama, kedudukan kawasan Sungai Linggi yang strategik dan membawa pulangan yang lumayan tidak mempunyai sempadan yang jelas. Ini menyebabkan ramai pihak mendakwa kawasan Sungai Linggi yang menguntungkan adalah hak mereka yang sah. Kedua, persaingan kuasa antara Dato Kelana dan Dato Syahbandar untuk mendapatkan hak politik yang sah, tetap dan pengiktirafan. Pengiktirafan sebagai pemerintah yang sah adalah penting untuk mengawal sumber ekonomi di Sungai Ujong. Tekanan dan ancaman dari luar, terutamanya Selangor dan Rembau turut meruncingkan situasi yang sedia ada.<sup>3</sup>

British dan orang Cina pula mengambil sikap menyokong atau memihak kepada mereka yang dilihat dapat memberikan keuntungan. Tujuannya adalah supaya kegiatan perdagangan, perlombongan dan perniagaan mereka di Sungai Ujong tidak terjejas dan merugikan. Saudagar-saudagar di Melaka telah menghantar beberapa memorandum

kepada gabungan Negeri-Negeri Selat dan mendesak agar British campur tangan di Sungai Ujong.<sup>4</sup>

Kepentingan Sungai Linggi sebagai saluran perhubungan utama dan perdagangan di antara Sungai Ujong dengan Melaka tidak boleh dinafikan. Pada tahun-tahun 1870-an, Sungai Linggi boleh dilalui dan dimudiki oleh bot-bot besar, lebih kurang enam batu dari laut. Kedudukan sedemikian penting dalam pengangkutan timah dari lombong-lombong di kawasan pedalaman.<sup>5</sup> Kedudukan dan kepentingan ekonomi ini kemudiannya telah mempengaruhi perubahan politik Sungai Ujong. Pada waktu ini, konflik dalaman yang berlaku di Sungai Ujong telah menggugat keamanan dan ketenteraman kawasan ini. Konflik ini melibatkan persaingan kuasa antara Dato Kelana Putera Syed Abdul Rahman<sup>6</sup> dengan Dato Bandar Abdullah Tunggal.<sup>7</sup> Faktor yang mencetuskan perebutan kuasa ini adalah kerana masing-masing ingin mendominasi kuasa politik dan ekonomi di Sungai Ujong tanpa berkongsi dengan sesiapa. Ini menyebabkan keadaan di Sungai Ujong menjadi kucar-kacir.

### **Kegiatan Politik Masyarakat Cina dan Kongsi Gelap di Sungai Ujong**

Ketiadaan satu kuasa kesatuan politik oarang Melayu yang teratur di Negeri-negeri Melayu telah membuka peluang kepada orang Cina untuk melibatkan diri dalam politik Sungai Ujong. Komuniti Cina turut menikmati hak autonomi dalam hal-hewal pentadbiran selepas campur tangan British kerana kerajaan kolonial mempraktikkan pemerintahan secara tidak langsung melalui Sistem Kapitan.<sup>8</sup>

Sistem Kapitan Cina berkait rapat dengan kongsi gelap atau Thian Ti Hui. Ini kerana ketua kongsi gelap bukan saja merupakan tokoh yang berpengaruh di negara China tetapi juga peniaga yang kaya dan berupaya membina kuasa dan kekayaan di Tanah Melayu. Oleh itu, ketua kongsi gelap diterima sebagai pemerintah oleh pendatang Cina dan diberi gelaran sebagai Kapitan.<sup>9</sup>

Bagi L.F.Comber, hampir kesemua Kapitan Cina ini adalah ketua kongsi gelap. Ini kerana kedudukan sebagai ketua kongsi gelap memudahkan seseorang menjalankan tugas sebagai Kapitan. Kongsi gelap digunakan untuk mengorganisasikan komuniti Cina dan mengukuhkan kedudukan mereka tanpa dicabar oleh pihak lain.<sup>10</sup> Sebagai contoh, Shing Kap, ketua kongsi gelap Hai San juga adalah Kapitan Cina Sungai Ujong; begitu juga dengan Kapitan Cina yang lain seperti Chin Woh dan Chong Fong Chong yang juga ketua kongsi gelap Ghee Hin.<sup>11</sup> Kerajaan British menggunakan kongsi gelap untuk menjaga hubungan politik dan ekonomi dengan imigran Cina. Untuk tujuan itu, British melantik ketua kongsi gelap yang paling berkuasa dan berwibawa sebagai Kapitan Cina. British juga bersetuju untuk menggunakan pentadbiran ke atas masyarakat Cina menerusi seorang pemimpin Cina yang fasih dalam bahasa Inggeris yang bertindak sebagai orang tengah antara kerajaan dengan masyarakat Cina.<sup>12</sup> British terpaksa mengubah dasar dari tidak campur tangan kepada campur tangan secara rasmi bagi menjaga kepentingan politik dan ekonomi. Perubahan dasar ini disebabkan oleh huru-hara yang berlaku di Sungai Ujong akibat persaingan kuasa antara pembesar-pembesar Melayu dan kongsi gelap Cina.

Kapitan Cina tidak dapat menjamin keamanan dalam negeri selama-selamanya kerana Sungai Ujong sebagai tapak perlombongan timah orang Cina yang awal juga terpaksa menghadapi konflik politik. Kekacauan yang berlaku di Sungai Ujong turut melibatkan peranan kongsi gelap. Ini kerana pembesar Melayu selalu berunding dengan Kapitan Cina atau kongsi gelap mengenai hal-ehwal perlombongan timah dan hak monopoli. Pada masa yang sama ketua kongsi gelap ini terpaksa membekalkan bantuan militari kepada pembesar Melayu apabila diminta.<sup>13</sup> Malahan orang Cina juga selalu membuat kekacauan di sepanjang sungai untuk menentang pemungutan cukai yang melampau demi melindungi kepentingan diri sendiri.<sup>14</sup>

Demi kepentingan sendiri, orang Cina terpaksa memihak kepada suatu pihak yang bertelingkah dalam pengaduhan. Keadaan bertambah teruk apabila perselisihan faham berlaku antara orang Cina dan orang Melayu. Perebutan di antara orang Melayu untuk mengawal pemugutan cukai di sepanjang sungai menjadi semakin meruncing apabila pergaduhan di antara orang Cina dalam pengawalan perlombongan timah berlaku serentak. Permusuhan di antara kongsi gelap Hai San dan Ghee Hin di negeri-negeri Melayu yang lain juga merebak ke kawasan Sungai Ujong.<sup>15</sup>

Pada tahun 1820-an, terdapat seramai 600 orang Cina yang bekerja di kawasan lombong di Sungai Ujong. Pekerja Cina ini dimiliki oleh sembilan kongsi atau syarikat yang berlainan. Pertambahan bilangan pelombong Cina telah menimbulkan rasa tidak puas hati Dato Kelana kerana mereka mula menguasai kegiatan perlombongan timah di Sungai Ujong. Namun begitu, kerja perlombongan masih diteruskan sehingga berlaku satu pengaduhan yang serius pada tahun 1830-an di Rasah. Peristiwa ini terjadi kerana berlakunya hubungan yang tidak bermoral antara seorang lelaki berbangsa Cina dengan

seorang wanita Melayu di Terachi. Kejadian ini telah menimbulkan kemarahan orang Melayu dan mereka telah bertindak membunuh lelaki Cina yang terlibat dalam kes tersebut. Walaupun peristiwa pembunuhan ini melahirkan permusuhan di kalangan orang Melayu dan orang Cina, namun, orang Cina tidak bangkit menentang orang Melayu kerana mereka lebih mementingkan keuntungan lumayan yang boleh diperolehi daripada aktiviti perlombongan timah.

Bagaimanapun, sikap orang Cina ini berubah apabila berlaku pertambahan bilangan penduduk bangsa Cina di Sungai Ujong. Mereka kini lebih berkeyakinan dan bersemangat menentang orang Melayu. Permusuhan ini menyebabkan keadaan keselamatan di Sungai Ujong bertambah genting. Orang Cina mula menyerang orang Melayu. Malangnya, mereka tewas dalam pertempuran ini.<sup>16</sup> Kekalahan ini menyebabkan banyak harta benda orang Cina dirampas oleh orang Melayu. Harta rampasan ini diberikan kepada pembesar-pembesar Melayu. Misalnya, empat persembilan daripada harta rampasan ini diberikan kepada Rajah Ali iaitu Yam Tuan Besar Negeri Sembilan. Manakala satu persembilan lagi diambil oleh Dato Kelana. Kekalahan ini benar-benar mengecewakan orang Cina yang kemudiannya mengambil keputusan meninggalkan kawasan lombong bijih timah di Sungai Ujong.

Kawasan pelombongan di Rasah dibuka semula pada tahun 1830-an iaitu selepas Dato Kelana menggalakkan lebih ramai orang Cina datang ke Sungai Ujong. Beliau menawarkan peluang pekerjaan kepada pelombong-pelombong Cina dari Melaka untuk bekerja di kawasan perlombongan. Keadaan ini menyebabkan seramai 400 orang pelombong Cina dari Melaka datang ke Sungai Ujong.<sup>17</sup>

Namun begitu selepas peristiwa pertempuran orang Melayu dan orang Cina di Rasah antara tahun 1832-1834, ketenteraman di kawasan Sungai Ujong semakin tidak terjamin. Hakikat ini menyebabkan pelabur Cina dari Melaka membuat aduan mengenai gangguan perdagangan yang disebabkan oleh pembesar Melayu yang mendirikan tol memungut cukai di sepanjang Sungai Linggi. Aduan ini dibuat pada tahun 1844, 1846 dan 1848. Sungutan-sungutan ini mendapat perhatian Kerajaan British di India yang kemudiannya memberi arahan untuk menggunakan angkatan tentera laut dari Singapura bagi memusnahkan pembatas-pembatas yang didirikan oleh Lebai Kulup di hulu Sungai Ujong. Akhirnya, HMS Amethyst telah memusnahkan pembatas dan perkampungan di Sungai Linggi pada tahun 1857. Tindakan yang sama telah diambil di Sungai Rembau pada bulan Mei 1858.<sup>18</sup>

Keamanan di Sungai Ujong sekali lagi terancam pada tahun 1860 apabila berlaku pengaduhan antara orang Cina dan orang Melayu di kawasan ini. Pertempuran ini tercusus berikutan tindakan Dato Bandar mengenakan cukai dan memeras ugut pelombong Cina di Sungai Ujong.<sup>19</sup> Orang Cina berasa sungguh marah apabila Dato Bandar berpakan dengan Penghulu Rembau dan Penghulu Sri Menanti dengan mengenakan cukai tambahan sebanyak \$ 4,000 ke atas 14,000 orang pelombong Cina. Kehidupan orang Cina bertambah susah apabila mereka dikehendaki membayar cukai tol kepada pembesar Melayu yang mendirikan pondok tol di sepanjang Sungai Linggi. Di bawah sistem pungutan cukai ini, setiap saudagar Cina dikenakan bayaran sebanyak \$2 untuk setiap bahar timah yang diangkut.<sup>20</sup> Kenaikan cukai dari \$1 kepada \$2 ini telah

mengecewakan pelombong Cina. Kesemua ini menjadi penyumbang kepada konflik antara orang Cina dan orang Melayu.

Akibatnya , orang Cina melepaskan geram terhadap tuntutan melampau pembesar-pembesar Melayu dengan menghalang pengimportan beras dan bahan makanan ke hulu sungai. Tindakan ini mengeruhkan lagi hubungan kedua-dua pihak ini. Akhirnya, orang Cina sekali lagi menyerang orang Melayu. Pertempuran ini menyebabkan seramai 200 orang pelombong Cina terkorban.<sup>21</sup>

Dalam pada itu, konflik di Sungai Ujong juga memperlihatkan pengaduhan di antara kongsi gelap Cina sendiri iaitu antara Hai San dan Ghee Hin. Pengaduhan ini disebabkan masing-masing ingin meluaskan milik kawasan perlombongan timah mereka. Pertempuran kedua-dua pihak ini tercetus pada 26 Ogos 1860. Malangnya, kongsi gelap Hai San pimpinan Kapitan Sheng Meng Li<sup>22</sup> yang dibantu oleh Liu Ngim Kong,<sup>23</sup> Yap Shak<sup>24</sup> dan Yap Ah Loy<sup>25</sup> telah tewas kepada kumpulan Ghee Hin dalam pengaduhan ini. Kekalahan kongsi gelap Hai San itu adalah disebabkan mereka belum bersedia bertempur dengan Ghee Hin kerana masih kekurangan bekalan senjata. Keadaan ini menyebabkan kongsi gelap Ghee Hin mencapai kemenangan yang cemerlang dalam perang tersebut. Selepas kongsi gelap Hai San dikalahkan oleh Ghee Hin, Sheng Meng Li terpaksa mengetuai pasukannya dan bersembunyi di hutan. Walaupun beliau ingin melarikan diri dari kawasan peperangan Sungai Ujong, tetapi rancangan ini gagal kerana Sheng Meng Li menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan. Ini menyebabkan beliau terpaksa berpatah balik ke Sungai Ujong.<sup>26</sup> Beliau akhirnya telah ditangkap oleh musuhnya, Ghee Hin. Kapitan Sheng kemudiannya dihukum bunuh dan mayatnya dikebumikan di Melaka.<sup>27</sup> Pemimpin Melayu dan Cina kemudiannya bersetuju

memilih seorang Kapitan Cina baru menggantikan tempat Sheng Meng Li.<sup>28</sup> Akhirnya, Yap Shak telah dilantik sebagai Kapitan baru kerana mendapat sokongan kuat dari komuniti Cina tetapi memegang jawatan hanya untuk sementara waktu. Beliau telah mencadangkan Yap Ah Loy menggantikan kedudukannya kerana beliau memiliki sifat-sifat kepimpinan yang baik . Yap Ah Loy seterusnya dilantik menjadi Kapitan Cina ketiga di Sungai Ujong. Beliau juga dipilih sebagai ketua kongsi gelap baru Hai San. Yap telah memegang jawatan ini selama tiga hingga empat tahun. Pada tahun 1864, Yap Ah Loy meletakkan jawatan dan berpindah ke Kuala Lumpur.<sup>29</sup>

Penglibatan kongsi gelap dalam politik tempatan pada tahun 1870-an juga kerana konflik yang berlaku antara Dato Kelana dan Dato Bandar. Konflik antara pembesar-pembesar Melayu telah memberi peluang kepada British untuk mengukuhkan kedudukan mereka di Sungai Ujong. Kerajaan kolonial menggunakan alasan memulihkan keamanan setelah berlaku kekacauan dan gangguan pada tahun 1860-an untuk campur tangan di Sungai Ujong. Peluang ini terbuka luas apabila pembesar Melayu Sungai Ujong sendiri meminta bantuan daripada British untuk memulihkan keamanan kawasan tersebut. Sebagai balasan, pembesar-pembesar Melayu bersetuju melepaskan kawasan di Sungai Ujong kepada sesiapa yang berminat untuk melombong timah. British bersetuju meneruskan hak pembesar dan pengawainya dalam hal pentadbiran dan keadilan. Malahan segala harta-benda peniaga dan penduduk diletakkan di bawah jagaan pembesar dan pengawai British.<sup>30</sup>

Dalam menyelesaikan persengketaan antara Dato Bandar dan Dato Kelana, Gabenor Melaka iaitu Sir Andrew Clarke<sup>31</sup> telah memberi bantuan kepada Dato Kelana

untuk menjatuhkan Dato Bandar. Beliau kemudiannya melantik Dato Kelana sebagai pembesar Melayu utama dan memberi sokongan kuat kepadanya.<sup>32</sup> Bagi Sir Andrew Clarke, Dato Bandar dilihat sebagai cuba menimbulkan huru-hara di Sungai Ujong dengan menggalakkan orang Cina membangkitkan kekacauan di kawasan ini. Niat buruk ini boleh dibuktikan dengan surat yang ditulis oleh Dato Kelana kepada Dato Bandar yang ingin memulakan perperangan. Dato Kelana telah membuat aduan kepada British dengan harapan mendapat bantuan untuk menewaskan daerah kepunyaan Dato Bandar.

Apabila Dato Kelana ke Sepang, Dato Bandar telah menghasut orang Cina untuk memporak-perandakan keadaan.<sup>33</sup> Pada waktu ini, seramai 10,000 orang Cina menetap di Sungai Ujong dan bilangan ini hampir melebihi jumlah penduduk Melayu. British sedar bilangan orang Cina yang ramai ini boleh menyebabkan terjadi pergaduhan yang besar sekiranya mereka memihak kepada Dato Bandar atau Dato Kelana.<sup>34</sup>

Untuk menyelesaikan masalah ini, Sir Andrew Clarke telah menghantar Mr. Pickering<sup>35</sup> bersama sekumpulan polis ke Sungai Ujong pada 4 Oktober 1874. Bagi Sir Andrew Clarke, Pickering adalah calon yang sesuai kerana beliau berpengaruh di kalangan orang Cina dan fasih berbahasa Cina. Ini memberi kelebihan kepada Pickering untuk berkomunikasi dengan komuniti Cina. Beliau juga diminta memujuk Dato Bandar menandatangani satu perjanjian damai pada 21 Mac 1875.<sup>36</sup> Orang Cina pula dinasihatkan supaya tidak campur tangan dalam permusuhan Dato Kelana dan Dato Bandar. Hasilnya, orang Cina di Sungai Ujong yang takut akan tercetusnya pergaduhan besar menyebabkan mereka berjanji kepada Pickering tidak akan terlibat dalam apa-apa persengketaan yang dimulakan oleh pembesar-pembesar Melayu tempatan.<sup>37</sup>

Dalam usaha mengendalikan hal-ehwal orang Cina, Pickering juga telah membuat pemeriksaan ke kawasan perlombongan. Beliau menyimpulkan bahawa orang Cina tidak berminat untuk terlibat dalam pertelingkahan pembesar-pembesar Melayu kerana semua perkampungan Cina di kawasan ini telah dibentengkan. Selain itu, Mr. Isemonger<sup>38</sup> juga memberi amaran kepada orang Cina supaya tidak campur tangan dalam persengketaan ini. Dalam lawatan Pickering ke rumah Kapitan Cina Ngo-Kim, beliau mendapat tahu ketua orang Cina sebenarnya lebih memihak kepada Dato Kelana dan mengalu-alukan perlindungan British kerana mereka tertekan di bawah sistem percuaiyan yang diperkenalkan oleh Raja atau pembesar Melayu. Malah mereka juga rasa tidak senang di atas tindakan Dato Kelana yang membina ladang candu di bawah kawalan seorang dari Melaka. Isu ini merupakan salah satu faktor yang menimbulkan rasa tidak puas hati orang Cina. Bagaimanapun, orang Cina masih menyokong Dato Kelana.

Melalui Interpreter Cina-Boon,<sup>39</sup> orang Inggeris memahami tentang segala hal-ehwal orang Cina di Sungai Ujong. Tiga orang ketua Cina yang bernama Lee Ching, Chin Wo dan Ngo Khim<sup>40</sup> telah diberi amaran supaya tidak terlibat dalam pertelingkahan orang Melayu. Mereka lebih memihak kepada Dato Kelana kerana mereka menganggap Dato Bandar<sup>41</sup> adalah tokoh yang buruk dan selalu menimbulkan kekacauan.

Dalam satu perjumpaan antara ketua orang Cina dengan orang Inggeris, orang Cina menyokong campur tangan pihak British. Wong Ying yang merupakan orang terkaya di Sungai Ujong juga ingin menjalinkan hubungan baik dan meminta perlindungan dari orang Inggeris. Beliau telah menetap di situ selama 30 tahun dan amat

berpengaruh di kalangan masyarakat Cina di Sungai Ujong. Wong Ying juga memberi jaminan bahawa orang Cina tidak akan campur tangan dalam hal-ehwal Dato Bandar bagi menjamin keamanan di kawasan ini. Dato Kelana pula mencadangkan supaya orang Cina yang menimbulkan kekacauan didenda \$ 4,000. Ketua orang Cina bersetuju dengan cadangan ini. Ini telah menyakinkan British bahawa mereka tidak akan menentang Dato Kelana kerana sesiapa yang menentang akan dihalau keluar dari Sungai Ujong.<sup>42</sup>

Keadaan Sungai Ujong menjadi semakin runcing pada 11 Oktober 1874. Ini kerana orang Cina mendapati Dato Bandar yang berpegang kuat kepada adat tradisional Melayu tidak menerima kemasukan kuasa Eropah. Ini mendorong Sir Frank Swettenham memberitahu Pickering bahawa mereka mungkin menyerang Dato Kelana jika beliau enggan terima kekuasaan British dan orang Cina bersedia memberi bantuan jika orang Inggeris ingin berbuat demikian. Walhal British memang tidak memerlukan bantuan orang Cina.<sup>43</sup> Namun begitu, semua wakil Cina dari semua daerah telah menghantar surat kepada pihak British dengan tujuan ingin menawarkan bantuan yang tidak boleh dibekalkan oleh Dato Kelana.<sup>44</sup>

Memang sukar meramalkan tindakan orang Cina dalam pertelingkahan ini dengan memberi pengakuan sokongan kepada British. Pickering telah menerima khabar tentang Dato Bandar yang memanggil tiga orang Kapitan Cina untuk berunding. Pada mulanya, beliau ragu-ragu akan ketataan Ngo Kim dan percaya Dato Bandar telah membuat sesuatu untuk mendapat sokongan orang Cina. Walaupun orang Cina menafikan hal ini tetapi mereka turut disyaki kerana Dato Bandar telah memperolehi sejumlah wang yang

banyak dan dipercayai hanya orang Cina yang mampu menawarkannya. Ngo Kim yang cuba mengelakkan peperangan telah memberi amaran kepada anak buahnya supaya tidak membantu mana-mana pihak atau sekurang-kurangnya tidak memihak kepada Dato Bandar.

Orang Cina mula mengubah sikap mereka apabila Wong Ying memihak kepada Dato Bandar. Akibatnya, Pickering terpaksa hadir bersama sekumpulan polis untuk melindungi rumah Dato Kelana. Mengikut Wong Ying, Dato Bandar tidak berhasrat untuk berperang kerana hanya mempunyai 30 penyokong dan beliau hanya berniat untuk mengacau Dato Kelana untuk mendapat kawasan Rasah. Namun, kemasukan pasukan British menakutkan beliau yang ingin menimbulkan kekacauan, terutamanya setelah Dato Bandar gagal mendapat bantuan dan sokongan orang Cina. Orang Cina mungkin memihak kepada Dato Bandar jika orang Inggeris tidak datang untuk menghalang.<sup>45</sup>

Peristiwa ini membuktikan bahawa orang Inggeris mula berkuasa di Sungai Ujong dan orang Cina hanya bertindak mengikut keadaan supaya kepentingan mereka tidak dan selalu merancang untuk menyerang Dato Kelana yang di bawah perlindungan pihak British. Sebaliknya, Dato Kelana juga menunggu masa untuk menyerang Dato Bandar. Kehadiran orang Cina selalu menjadi ancaman kepada pembesar Melayu. British selalu memujuk Dato Kelana supaya tidak mencetuskan pertempuran kerana perbuatan ini boleh menjaskan kedudukan dan nama baik beliau di kalangan masyarakat tempatan.<sup>46</sup>

Ekoran peristiwa itu, orang Cina sudah mula sedar bahawa mereka harus menumpukan perhatian dalam menjalankan perniagaan dan tidak harus campur tangan dalam hal-ehwal pentadbiran negeri atau membahagikan orang Cina kepada beberapa kumpulan sehingga menimbulkan pertelingkahan antara puak sendiri. Demi untuk

menjamin keselamatan masyarakat Cina, Kapitan Cina cuba menjadi orang tengah untuk mendamaikan Dato Kelana dan Dato Bandar dengan memujuk mereka supaya berunding untuk menyelesaikan masalah tetapi usaha mereka tidak berjaya. Orang Cina juga meminta Dato Bandar menandatangani suatu perjanjian yang mencatat bahawa beliau tidak akan menentang Dato Kelana lagi. Jika beliau menentang Dato Kelana, semua orang Cina akan memihak kepada Dato Kelana untuk menentang Dato Bandar. Bagaimanapun, Dato Bandar tidak bersetuju dengan syarat-syarat dalam perjanjian ini.<sup>47</sup>

Pickering percaya bahawa Dato Bandar cuba mencari sokongan dan bantuan dari orang Cina dalam menentang Dato Kelana. Ini kerana bilangan golongan pendatang ini ramai dan mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang kuat. Namun niat Dato Bandar tidak menjadi kerana orang Cina lebih mementingkan keamanan dalam negeri supaya sumber pendapatan mereka tidak terjejas.<sup>48</sup>

Pada 15 November, pembesar Melayu di bawah pimpinan Dato Kelana memanggil satu mesyuarat dengan tujuan melantik seorang pembesar Melayu bagi menggantikan Dato Bandar. Ini menyebabkan tercetusnya perperangan. Orang Cina yang amat peka kepada perubahan suasana politik mula takut dalam memberi bantuan kepada British.<sup>49</sup> Ini boleh dibuktikan dalam peristiwa selepas Rasah dikuasai oleh Dato Bandar pada 19 November. Selepas itu, tiada seorang Kapitan Cina yang berani menghantar surat meminta bantuan Pickering ke Kapayang. Ngo Kim dan Khoo Sam tidak mahu memberi bantuan kepada British dalam menghantar kaki pukul bagi membantu Dato Kelana. Wong Ying yang merupakan kawan baik Whampao juga takut kepada kemaraan pasukan Dato Bandar.<sup>50</sup>

Ketibaan pasukan bantuan yang diiringi oleh Sir Andrew Clarke telah mengukuhkan kedudukan Dato Kelana dan Pickering. Wong Ying menawarkan bantuan kepada Dato Bandar bagi menyerang Dato Kelana. British telah memberi amaran untuk menghalau Wong Ying dari Sungai Ujong jika mereka membantu Dato Bandar. Namun, Wong Ying masih menghulurkan bantuan kepada Dato Bandar. Manakala Kapitan Cina yang lain tidak boleh dimarahi kerana mereka bertindak mengikut nasihat Wong Ying. Misalnya, Khoo Sam telah banyak memberi maklumat serta menawarkan tenaga kuli untuk membantu British. Apabila pasukan polis dari Singapura mara ke Sungai Ujong, Dato Kelana dan British mudah mendapat sokongan dari masyarakat tempatan yang takut diserang oleh British. Umpamanya orang Cina sudi menawarkan pelbagai bantuan kepada Dato Kelana.<sup>51</sup>

Pada 25 November 1874, Wong Ying mengambil keputusan untuk memihak kepada Dato Kelana.<sup>52</sup> Pada 27 November, tiga orang Kapitan Cina bersetuju untuk menghantar 50 orang kuli setiap seorang untuk membantu askar British dan pasukan Dato Kelana dalam mengangkut senjata semasa mereka menyerang Kapayang.<sup>53</sup> Akhirnya pasukan Kelana-British telah berjaya menewaskan Dato Bandar pada 29 November 1874. Ini menyebabkan Kapten Dunlop<sup>54</sup> mengambil alih segala hal-ehwal Sungai Ujong.

Selepas tamat perang antara Dato Bandar dan Dato Kelana-British pada 29 November 1874, semua bangunan, kubu dan tempat tinggal di Rasah telah dibakar. Kampung Cina juga dikawal dengan rapi.<sup>55</sup> Orang Cina telah meninggalkan tempat kediaman mereka dan mengangkut beras keluar dari kubu mereka. Untuk melaksanakan kerja-kerja penyiasatan, Sir Andrew Clarke telah memilih empat orang ketua yang paling

berpengaruh dari Kongsi Wong Hin ( Macaos ) dan empat orang dari kongsi yang dipimpin oleh Ugoli Kim ( Kheh ) untuk memberi bantuan dalam kerja penyiasatan.<sup>56</sup>

Orang Cina telah mengambil kesempatan semasa ketiadaan orang Inggeris di Ampanyan. Puak Hwey Chews ( Teochew ) diketuai oleh Ali Sams<sup>57</sup> telah menyerang puak Kheh dan membakar perkampungan mereka. Ramai orang Cina tercedera dalam pertempuran ini. Oleh itu Kapten Tatham<sup>58</sup> terpaksa mengambil tindakan segera dengan menahan Ali Sam dan beberapa orang Ketua Cina untuk mengelakkan berlakunya pertempuran berdarah.

Penahanan ketua-ketua kongsi gelap ini bertujuan untuk memberi amaran kepada mereka yang terlibat dalam peristiwa penentangan Dato Bandar dan Ali Sams kerana mereka membenarkan ahli kongsinya terlibat dalam peperangan. Kapten Dunlop dari Singapura telah ditugaskan untuk menyelesaikan penentangan yang berlaku di Rasah. Setelah berunding dengan Dato Kelana, hukuman denda sebanyak \$ 3,000 dikenakan kepada setiap Kapitan Cina.

Dalam menyelesaikan persengketaan ini, Pickering mencadangkan supaya satu perjanjian dibuat antara tiga orang Kapitan Cina dengan semua ketua orang Cina supaya mereka melupakan segala permusuhan yang pernah berlaku dan menasihati mereka kembali semula ke tempat perlombongan masing-masing.<sup>59</sup> Selepas perjanjian ini ditandatangani oleh pihak berkenaan, orang Cina kembali ke tempat perlombongan mereka pada 13 Disember 1874. Keamanan dapat dipulihkan kerana Kapitan Cina lebih rela menerima suasana tenteram dalam negeri. Pickering menyediakan satu peraturan untuk mencapai matlamat ini. Isi kandungan peraturan itu berkaitan dengan pajakan

perlombongan timah, candu, arak, perjudian dan pengadaian, pengenaan cukai timah, pengharaman memiliki senjata kecuali Dato Kelana dan Residen.<sup>60</sup>

Justeru itu, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Dunlop dan Pickering berjaya memulihkan keamanan di Sungai Ujong. Aktiviti perlombongan juga dipulihkan semula. Hasilnya sebuah perkampungan baru yang dilengkapi dengan balai polis, jalan yang menghubungkan kawasan perlombongan dengan sungai telah dibina di Rasah bagi mengangkut timah ke Melaka.

Hubungan rapat antara pemimpin-pemimpin Cina atau ketua kongsi gelap dengan masyarakat Cina telah membawa hubungan saling bergantungan yang tidak boleh dipisahkan lagi antara mereka. Malah sifat bergantungan ini telah membawa kepada penglibatan ketua kongsi gelap dalam bidang politik di Sungai Ujong demi menjaga kepentingan puaknya. Namun begitu kuasa kongsi gelap tidak dapat diteruskan lagi setelah pihak kerajaan kolonial sedar tentang bahaya penularan kuasa mereka. Penglibatan pihak British dalam perebutan kuasa ini telah menjadi pemangkin kepada pengharaman kongsi gelap Cina.<sup>61</sup>

Kongsi gelap dan ketuanya memang berperanan penting dalam mempengaruhi arus perkembangan politik di Sungai Ujong sebelum British mengamalkan Sistem Residen di Negeri Sembilan. Persaingan kuasa antara pembesar-pembesar Melayu dan kongsi-kongsi gelap ini telah menyebabkan keadaan di Sungai Ujong menjadi huru-hara dan tidak aman. Untuk menguatkan kedudukan masing-masing, pembesar Melayu mengharapkan bantuan kewangan dan militari dari ketua Cina, ketua kongsi gelap atau towkay lombong Cina yang kaya. Namun, kesan yang paling penting adalah keadaan

kacau-bilau ini memberi peluang yang seluas-luasnya kepada British untuk campur tangan secara rasmi di Sungai Ujong.

Kesimpulannya, konflik Sungai Ujong yang berlaku di antara Dato Bandar dan Dato Kelana berterusan sehingga digunakan oleh pihak British dan orang Cina atau kongsi gelap untuk menekankan pengaruh mereka di Sungai Ujong., terutamanya British. Ini mengubah landskap politik Sungai Ujong kemudiannya.

---

### Nota Hujung

<sup>1</sup> Zulkanain Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," hlm. 38.

<sup>2</sup> Kuasa undang adalah lebih penting di Sungai Ujong tetapi kekuasaan Yam Tuan tidak begitu dirasai oleh rakyat tempatan. Di Negeri-negeri Melayu yang lain, kekuasaan Sultan atau Raja lebih dirasai oleh rakyat tempatan . J.M.Gullick, *Indigenous Political System of Western Malaya*, University of London Athlone Press, London, 1958, hlm. 74 .

<sup>3</sup> C.D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun ke-19- Asal-Usul Penggunaan Politik British*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 264 ; Zulkanain Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," hlm. 12.

<sup>4</sup> Khoo Kay Kim, *The Western Malay States (1850-1895)* , Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 74.

<sup>5</sup> "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula-Rumbowe and Sungai Ujong," dalam *Government Papers Relating to the Malay Peninsula 1870-1882*, hlm. 7.

<sup>6</sup> Nama sebenar Dato Kelana ialah Syed Ahmad. Beliau berketurunan Arab dan dilahirkan di Aceh. Beliau adalah saudara kepada Syed Shaaban dan anak kepada Syed Ahmad Al-Kadrie. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Tengku Laksamana dan pernah memangku jawatan Dato Kelana apabila Dato Kelana Sending telah tua sejak akhir tahun 1860-an. Beliau memegang jawatan sebagai Dato Kelana Sungai Ujong pada 3hb Disember 1872. Faridah Abu Bakar, "Perang Sungai Ujong 1872-1874 : Peranan Inggeris dalam Sejarah Negeri Sembilan," Tesis Sarjana Muda, Universiti Hasanuddin, Ujung Pandang, 1994, hlm. 42 .

<sup>7</sup> Nama sebenar nya ialah Abdullah bin Ahmad, putera kedua daripada sembilan orang adik-beradik yang berketurunan Datuk Permas. Beliau menggantikan Datuk Syahbandar Lebai pada tahun 1845 dan dikenali juga dengan panggilan Datuk Syahbandar Tunggal Kepayang .Abdullah Zakaria Ghazali, " Konflik Kelana-Bandar," dalam *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, hlm. 21 .

<sup>8</sup> Kapitan Cina wujud sejak abad ke-16M. Sistem Kapitan atau *headman* telah diperkenalkan dengan melantik seorang ketua Cina untuk mengendali komuniti mereka dan menyelesaikan masalah hal-ehwal komuniti Cina. Ketua komuniti ini diberi kuasa untuk mengendalikan kes jenayah dan kekacauan yang minor serta berperanan sebagai penghubung antara kerajaan kolonial dengan masyarakat. Corak pentadbiran melalui Sistem Kapitan adalah ringkas. Mereka mendukung objektif materialistik yang simpel melalui monopoli dalam perlombongan timah. Sumbangan keuntungan daripada monopoli tersebut dibelanjakan untuk membina jalan kecil di kawasan perlombongan, mengawal tatatertib dalam masyarakat, mengendali persengketaan, memberi nasihat dalam pasaran perdagangan serta menjalankan perniagaan cандu, perjudian dan pelacuran. Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, 1970, hlm. 25, 302 ; Comber, *The Chinese Secret Societies*, hlm. 64 ; Shun Gen-Bibit-bibit Orang Cina di Negeri Sembilan ( 雜根 ), Penerbitan Zhong Hua Da Hui Dang Negeri Sembilan dan Sin Jiao Jit Pao ( 中華大會堂與星州日報 ), Seremban, 1992, hlm. 86. ; Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia : A History of the Malaysian Chinese Association*, Oxford University Press, Singapura, hlm. 14 .

- <sup>9</sup> Chan Gaik Gnoh, " Kapitan Cina System in the Straits Settlements," **Malaysia in History**, Bil. 25, 1982, hlm.74.
- <sup>10</sup> L.F. Comber, **The Chinese Secret Societies**, J.J. Augustin In Orporated Publisher , Singapura , 1959 , hlm. 65.
- <sup>11</sup> Latar belakang Kapitan Chin Woh dan Chan Fong Chong tidak dicatat dalam **Negeri Sembilan Annual Report 1887**.
- <sup>12</sup> Irene Lim, **Chinese Secret Societies in Singapore**, National Heritage Board, Singapura , 1999, hlm. 13.
- <sup>13</sup> Emily Sadka, **The Protected Malay States**, hlm. 26.
- <sup>14</sup> Kekacauan berlaku kerana pembesar Melayu yang berkuasa di situ memungut cukai yang tinggi ke atas segala hasil timah yang diangkut melalui jalan sungai. Ini kerana hasil pungutan adalah punca pendapatan utama bagi seseorang pemerintah Melayu. Blythe, **The Impact of the Chinese Secret Societies**, Oxford University Press , London , 1969 , hlm. 62.
- <sup>15</sup> Emily Sadka, **The Protected Malay States**, hlm. 35.
- <sup>16</sup> T.J.Begbie, **The Malayan Peninsula**, hlm. 408.
- <sup>17</sup> "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula-Rumbowe and Sungai Ujong," dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula 1870-1882**, hlm. 9.
- <sup>18</sup> Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 117.
- <sup>19</sup> "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula-Rumbowe and Sungai Ujong," dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula 1870-1882**, hlm. 16.
- <sup>20</sup> Gullick, " Sungai Ujong," hlm. 60 ; Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 60.
- <sup>21</sup> "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula-Rumbowe and Sungai Ujong," dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula 1870-1882**, hlm. 16 dan Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 118.
- <sup>22</sup> Sheng Meng Li juga dikenali sebagai Si Sen Ta. Sheng lahir pada tahun 1822 di daerah Hui Zhou, provinsi Kuang Dong. Beliau ke Tanah Melayu pada usia 28 tahun dan bekerja dengan seorang saudagar Hakka, bernama Chen Yu Fa di Melaka. Sheng bekerja dalam Hung Fa Store dan bertugas untuk mengendali perdagangan bijih timah. Pada tahun 1859, Sheng telah menubuhkan sebuah syarikat bernama Ming Fa Trading Company di Sungai Ujong. Kejayaannya dalam perniagaan meningkatkan kedudukan sosialnya di kalangan masyarakat Cina di Sungai Ujong. Beliau adalah istimewa di antara beberapa Kapitan Cina kerana beliaulah satu-satunya Kapitan yang telah diberi anugerah sebagai dewa. Masyarakat Cina hari ini telah menggelar Sheng sebagai Xian Shi Ye. Sekurang-kurangnya terdapat 12 buah tokong yang dibina untuk menyembah Sheng Meng Li bertaburan di Selangor, Kuala Lumpur , Pahang dan Melaka. Sumbangan Sheng dalam sejarah perkembangan Sungai Ujong, boleh dibuktikan dengan pertukaran nama jalan raya dari Ling Mu kepada jalan Sheng Meng Li . Shun Gen, hlm. 7 ; Wan Ming Sing, " The History of The Organisation of The Chinese Community In Selangor With Particular Reference to Problems of The Leadership, 1857-1962," Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1983, hlm. 29-30 .
- <sup>23</sup> Liu Ngim Kong adalah panglima atau ketua kaki pukul kongsi gelap di bawah Sheng Meng Li . Comber, **The Chinese Secret Societies**, hlm. 205.
- <sup>24</sup> Yap Ah Shak adalah kawan baik kepada Yap Ah Loy. Beliau pernah menjadi Kapitan Cina di Seremban pada tahun 1861 . Wang Zhi Yuan ( 王植原 ), Ye De Lai Zhuan ( 葉德來傳 ), Penerbit Yi Hua ( 藝華出版社 ), Kuala Lumpur, 1958, hlm. 160 dan 172 .
- <sup>25</sup> Yap Ah Loy adalah Kapitan Cina yang ketiga di sungai Ujong dan Kuala Lumpur. Beliau berasal dari Hui Yang, daerah Hui Zhou di provinsi Kuang Dong. Yap merupakan orang Cina puak Hakka . Lee Kam Heng dan Chow Mun Seoang (ed.), **Biographical Dictionary of the Chinese in Malaya**, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, 1997, hlm. 184 . Kapitan Yap pernah bekerja di kedai runcit dan memulakan perniagaan sendiri sebagai pembekal daging babi dan penjual bijih timah. Beliau memperolehi pengetahuan cara melombong timah dan mengorganisasikan firma perlombongan timah di Sungai Ujong. Pengalaman ini telah digunakan oleh Yap Ah Loy untuk memperkembangkan Kuala Lumpur selepas beliau menjadi Kapitan di Kuala Lumpur . Wang Yao ( 黃堯 ), **Tawarikh Orang Cina di Malaysia dan Singapura** ( 星馬華人誌 ), Ming Jian Chu Ban She ( 明鑒出版社 ), 1967, hlm. 108 . Beliau selalu melawat Liu Ngim Kong. Liu pula memperkenalkan Yap sebagai penolong panglima di Sungai Ujong . Comber, **The Chinese Secret Societies**, hlm. 205 .

<sup>26</sup> Wang Yao, **Tawarikh Orang Cina di Malaysia dan Singapura**, hlm. 108.

<sup>27</sup> Dipercayai bahawa roh Sheng pernah memberi nasihat yang bernes kepada Yap Ah Loy semasa perperangan berlaku di Kuala Lumpur. Dengan adanya nasihat ini, ia telah meyakinkan Yap Ah Loy untuk melawan Ka Tu In. Menurut kepercayaan orang Cina, kuil yang menyembah Sheng Meng Li mempunyai kuasa misteri yang kuat, dikatakan Sheng pernah memberi nasihat melalui seorang media yang dikenali Thung Cen yang merupakan media yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu alamat . " Si Sen Ta" dalam **Journal Selangor**, Bil. 1 , 1894 , hlm. 320 dan 321 .

<sup>28</sup> Yen Ching Huang, **Sejarah Negeri Sembilan**, The World Book Co.Ldt., Singapura, 1962, hlm. 179.

<sup>29</sup> Comber, **The Chinese Secret Societies**, hlm. 206.

<sup>30</sup> " Treaties and Engagement Effecting the Native States : Treaties with Pahang, Selangor, the State Near Malacca, Sungai Ujong 1874, 21 April 1874," dalam **Treaties and Engagements Effecting the Malay States and Borneo**, 1924.

<sup>31</sup> Sir Andrew Clarke (1824-1902) ialah Gabenor Negeri-negeri Selat sejak tahun 1873 hingga 1875. Sebelum berkhidmat di Tanah Melayu, beliau pernah berkhidmat di India, England dan Australia . Comber, **Chinese Secret Societies**, hlm. 168 .

<sup>32</sup> Zulkarnain Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," hlm. 23.

<sup>33</sup> Further Correspondence relating to the affair of certain native states in the Malay Peninsular in the neighbourhood of the Straits Settlement ( FCNS selepas ini), No.8, Surat Sir Andrew Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, *enclosure* 10, Dato' Klan Sungai Ujong kepada Leftenan Gabenor Melaka.

<sup>34</sup> Cowan, **Tanah Melayu pada kurun ke-19**, hlm. 286.

<sup>35</sup> William Alexander Pickering memperolehi pengalaman dalam mengendali hal-ehwal orang Cina setelah beliau berada di Farmosa (Taiwan) hari ini. Beliau juga berkawan baik dengan puak Hakka Cina di situ dan mereka telah memberi nama Cina 'Pi-Ko-Lien' kepada beliau. Apabila beliau tiba di Singapura, beliau dianggap sebagai pengawai pertama Eropah yang boleh berbahasa dalam empat dialek Cina .R.N.Jackson, **Pickering, Protector Of Chinese**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 1 , 2 , 7 , 9 dan 18 .

<sup>36</sup> FCNS, 1876, No.8, Surat Sir Andrew Clarke kepada Earl of Carnavon, 30 Januari 1875.

<sup>37</sup> FCNS, 1876, No.8, Surat Sir Andrew Clarke kepada Earl of Carnavon, 30 Ogos 1875.

<sup>38</sup> Latar belakang tidak diketahui.

<sup>39</sup> Boon adalah orang yang mengendali hal-ehwal orang Cina dengan baik kerana beliau boleh bertutur dalam semua dialek bahasa Cina dan mendapat pendidikan Cina. Boon telah memberi banyak bantuan kepada Inggeris dalam menghadapi penentangan Dato Bandar . "Mr.Pickering's Journal : Singapore to Sungai Ujong, 8<sup>th</sup> October 1874 and 15<sup>th</sup> October 1874" dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula, 1870-1882** .

<sup>40</sup> Latar belakang ketiga-tiga orang ketua Cina tidak diketahui.

<sup>41</sup> Dato Bandar pernah menyuruh isterinya untuk meminta sedekah ikan dan ayam dari kedai orang Cina walaupun beliau mempunyai harta sebanyak \$300,000 yang disembunyikan di hutan. Dato Bandar dan isterinya juga selalu menggadai di kedai gadai dan mengambil bahan makanan orang Cina tanpa bayaran "Mr.Pickering's Journal : Singapore to Sungai Ujong, 9<sup>th</sup> October 1874 and 10<sup>th</sup> October 1874" dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula, 1870-1882** .

<sup>42</sup> Ibid., 10 Oktober 1874.

<sup>43</sup> Ibid., 11 Oktober 1874.

<sup>44</sup> Ibid., 12 Oktober 1874.

<sup>45</sup> Ibid., 15 Oktober 1874.

<sup>46</sup> Cadangan ini diberi kerana jika Dato Kelana menghukum Dato Bandar maka beliau tentu akan dilihat sebagai pro-British yang menderhaka masyarakat Melayu. Jika ini berlaku, Dato Bandar tentu akan mendapat belas kasihan dari masyarakat Melayu. Ini boleh mengancam kedudukan Dato Kelana. Ibid., 15 Oktober 1874 .

<sup>47</sup> Ibid., 4 Oktober 1874. Keenggan Dato Bandar adalah kerana segala isi kandungan perjanjian diusulkan oleh Dato Kelana. Ini menyebabkan tiada perbincangan. Maka beliau meminta perjanjian dibuat di Singapura kerana orang Inggeris tidak membuat undang-undang di situ . Ibid., 5 Oktober 1874 .

<sup>48</sup> Ibid., 6 November 1874.

<sup>49</sup> Ibid., 15 November 1874.

<sup>50</sup> Ibid., 19 November 1874.

<sup>51</sup> Ibid., 24 November 1874.

<sup>52</sup> Ibid., 25 November 1874.

<sup>53</sup> Ibid., 27 November 1874.

<sup>54</sup> Kapten Samuel Dunlop memegang jawatan sebagai Inspektor Polis di Singapura sejak November 1878. Beliau pernah bekerjasama dengan Mr.Pickering dalam menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu seperti Perak dan Sungai Ujong. Comber, **Chinese Secret Societies**, hlm.147 ; Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 185 dan 190.

<sup>55</sup> "Mr.Pickering's Journal : Singapore to Sungai Ujong, 28<sup>th</sup> November 1874" dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula, 1870-1882**.

<sup>56</sup> Ibid., 29 November 1874.

<sup>57</sup> Ali Sams dinamakan Hiu Sam atau Li San. Dialah yang mengarahkan ahli kongsi gelap Hai San yang terdiri daripada puak Hakka Fui Chiu untuk menyerang ahli-ahli kongsi gelap Ghee Hin. Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 190 .

<sup>58</sup> Kapten Tatham adalah pegawai kerajaan kolonial yang menganggotai pasukan British yang dihantar ke Sungai Ujong pada December 1874. Beliau biasa bergaul dengan orang Melayu tempatan. Ini menyebabkan beliau telah dilantik menjadi penolong Residen yang pertama di Sungai Ujong pada 14 Disember 1874 . Emily Sadka, **The Protected Malay States**, hlm. 66 .

<sup>59</sup> FCNS, 1876, No. 8, Surat A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember, *enclosure 18*, Kapten S.Dunlop kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 11Disember 1874.

<sup>60</sup> Ibid., 13 Disember 1874.

<sup>61</sup> **Negeri Sembilan Annual Report 1887** ; Emily Sadka, **The Protected Malay States**, hlm. 319.